

LAMPIRAN 1

Borang Pengisytiharan Diri Kenali Rakan Niaga Anda (KYC) (Soal Selidik Pengisytiharan Kendiri KYC untuk Pelanggan)

iCEP sangat komited terhadap tahap integriti, keterbukaan dan akauntabiliti yang tertinggi dalam menjalankan perniagaan dan operasinya. iCEP berusaha untuk menjalankan urusannya dengan cara yang beretika, bertanggungjawab dan telus. Tatacara Kelakuan dan Etika Perniagaan iCEP ("CoBE") menetapkan prinsip teras iCEP dan pernyataan polisi yang terperinci mengenai piawaian tingkah laku dan etika termasuk berkenaan dengan etika dan integriti, privasi data, sekatan, kawalan eksport dan persaingan.

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami, iCEP mengharapkan pelanggannya mematuhi semua undang-undang yang berkenaan dan bahagian yang relevan dengan CoBE.

Sila lengkapkan soal selidik berikut, gunakan helaian tambahan sekiranya perlu, dan kembalikan salinan soal selidik yang telah diimbis dan ditandatangani kepada pegawai tumpuan iCEP. Sekiranya anda kemudiannya mendapati bahawa terdapat mana-mana maklumat yang telah diberikan di bawah adalah tidak tepat atau tidak lengkap, sila buat pembetulan atau lengkapkan maklumat tersebut (sepertimana yang berkenaan) dan maklumkan kepada kami secepat mungkin.

Maklumat yang diberikan akan dinilai oleh iCEP dan akan dirahsiakan dan dikekalkan sebagai Sulit kecuali jika pendedahan diperintahkan oleh pihak berkuasa.



Seksyen A: Syarikat
Bahagian 1: Maklumat Syarikat

Nama Syarikat Berdaftar (Nama Penuh yang Sah)			
Nama Lain (Mana-mana Nama yang Sah/Nama Dagangan sebelumnya)			
Nombor Pendaftaran			
Negara Tempat Penubuhan		Tarikh Penubuhan (HH/BB/TTTT)	
Status Korporat (Sendirian Berhad/Berhad/Perkongsian/Tersenarai/ etc)			
Jenis dan Bidang Perniagaan (Sila nyatakan Industri dan/atau aktiviti utama seperti pengurusan acara, perundingan dan sebagainya) Sila kemukakan salinan laporan tahunan Syarikat atau penerbitan lain yang menerangkan aktiviti-aktiviti Syarikat.			
Alamat Berdaftar			
Alamat Perniagaan			
Nombor Telefon			

Bahagian 2: Pemegang-Pemegang Saham

Sila gariskan struktur pemilikan Syarikat sehingga dan termasuk Pemilik Benefisial Mukhtamad, atau kemukakan carta struktur pemilikan sekiranya ia lebih mudah. Carta atau penjelasan ini hendaklah mengenal pasti semua peringkat pemilikan bermula dengan rakan niaga dan termasuk semua pemilik perantara sehingga kepada mana-mana individu.

Sila kemukakan maklumat seperti dalam jadual di bawah bagi setiap individu/syarikat yang dikenal pasti dalam struktur pemilikan tersebut.

Nama Penuh yang Sah (Individu/ Syarikat)	Warganegara/ Bidang Kuasa	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport	Alamat	% Saham	Tarikh Kelahiran (Jika berkenaan)

Bahagian 3: Ahli Lembaga Pengarah

Sila senaraikan semua Ahli Lembaga Pengarah/Rakan Kongsi atau pegawai kanan yang setara bagi struktur syarikat lain.

Nama penuh yang sah hendaklah digunakan. Sila sertakan juga nama dalam bahasa tempatan (contohnya: Mandarin) jika berkenaan.

Nama Penuh yang Sah (Individu/ Syarikat)	Warganegara/ Bidang Kuasa	Jawatan (Pengarah Bebas/ Pengarah Tidak Bebas)	Alamat	Tarikh Kelahiran

Bahagian B: Notis Pendedahan

Selaras dengan kehendak Undang-undang Perlindungan Data, kami memberikan notis ini dan memohon persetujuan anda berkenaan dengan pemprosesan data peribadi anda serta memberikan jaminan komitmen kami untuk memastikan bahawa data anda diproses dan disimpan dengan selamat serta tidak digunakan atau didedahkan bagi sebarang tujuan lain selain daripada urusan komersial yang dijalankan bersama anda. Sebarang permintaan bertulis bagi akses kepada data peribadi atau permohonan pembetulan dan/atau pemadaman data peribadi, atau bagi mendapatkan maklumat mengenai dasar dan prosedur serta jenis data peribadi yang dikendalikan oleh kami boleh dikemukakan kepada:

Nama : Anis Afiqah Mohd Pran
No. Tel : 03-97673608
E-mel : afiqah@icep.com.my

Bahagian C: Pengesahan

Dengan menandatangani dokumen ini, penandatangan di bawah yang telah diberi kuasa sepenuhnya untuk melengkapkan soal selidik ini, dengan ini mengesahkan perkara-perkara berikut:

- i. mengisytiharkan bahawa Syarikat atau pemegang sahamnya atau pengarahnya adalah bukan subjek atau sasaran mana-mana sekatan;
- ii. tidak pernah terlibat dalam sebarang kelakuan/aktiviti yang boleh mengakibatkan pelanggaran mana-mana sekatan atau menjadikan mereka sebagai subjek atau sasaran sekatan;
- iii. tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan atau pendakwaan atau sedang menjalani siasatan oleh pihak berkuasa awam berhubung dengan rasuah atau pengubahan wang haram;
- iv. mengisytiharkan bahawa beliau mempunyai, atau telah memperoleh daripada pihak berkuasa yang berkaitan dalam Syarikat, mandat dan kuasa yang sah untuk mendedahkan maklumat tersebut;
- v. memberikan persetujuan terhadap pemprosesan maklumat tersebut bagi tujuan yang dinyatakan dalam Notis Pendedahan;
- vi. mengakui bahawa pemprosesan maklumat tersebut boleh dijalankan oleh pihak ketiga bagi pihak iCEP yang mana boleh berlaku di negara selain daripada negara di mana pendedahan dibuat; dan
- vii. mengesahkan bahawa, setakat pengetahuan beliau, maklumat yang diberikan dalam dokumen ini adalah tepat, terkini dan lengkap pada tarikh pendedahan.

Untuk dan bagi pihak _____

Ditandatangani oleh wakil yang telah diberikuasa daripada Syarikat:

Tandatangan

Tarikh

Nama :

Jawatan :